

Media Monitoring

Publication: **Berita Harian – Joran** (Page: 5)

Circulation/Audience: **231,163**

Date: **30 November 2007**

Reference: **Monsoon Cup**

Headline: **Daftar di lokasi mulai 10 pagi**

Daftar di lokasi mulai 10 pagi

KUALA TERENGGANU: Debaran kaki pancing yang mahu menyertai pertandingan memancing sempena Monsoon Cup 2007 di Teluk Warisan, Pulau Duyong dekat sini, bakal memuncak dalam tempoh 24 jam ini.

Acara yang menawarkan hadiah RM60,000 dan paling mahal dalam sejarah pertandingan Kategori Pantai itu dijadual berlangsung jam 8 pagi esok.

Justeru, kaki pancing boleh mendaftar di kaunter pertandingan di Teluk Warisan mulai jam 10 pagi ini dan ditutup jam 10 malam nanti. Kaunter dibuka semula jam 5 pagi esok hingga jam 8 pagi.

Pada masa sama, Unit Joran yang mengendalikan acara ini mengambil keputusan membuka kawasan pertandingan tambahan yang terletak di kawasan balik Pulau Duyong. Ia

adalah sambungan kepada kawasan dari jeti yang terletak di jalan masuk ke Kelab Teluk Warisan.

Langkah membuka kawasan tambahan itu bagi menampung peserta yang dijangka melebihi 1,800 orang seperti disasarkan pada peringkat awal. Namun, 2,000 kemeja-T disediakan untuk peserta.

Sehubungan itu, Unit Joran memohon kerjasama peserta supaya bertolak ansur dengan peserta lain dan memberi kerjasama kepada petugas bagi memastikan pertandingan lancar.

Peserta juga diminta memakai kemeja-T pertandingan, melekatkan tanda pelekat dan menggantung tag peserta bagi memudahkan pemantauan. Keterangan hubungi Team Joran: 013-3310166/019-3419991/017-3763029.